

PM: Yang digugur terima hakikat dengan hati terbuka

KUALA LUMPUR 6 Okt. — Presiden UMNO, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mahu mereka yang digugurkan dari senarai calon menerima hakikat dengan hati terbuka bahawa dalam pilihanraya umum sudah tentu akan ada pemimpin yang digugurkan dan diganti dengan oleh muka-muka baru.

Beliau berkata, calon yang digugurkan bukanlah kerana soal prestasi atau kerja yang kurang memuaskan tetapi kerana keperluan untuk mewujudkan kekosongan agar pemimpin muda boleh ditampilkan.

"Saya ingin berterus terang bahawa dalam setiap pilihanraya akan ada pemimpin yang digugurkan dan diganti oleh orang lain dan kita gugurkan setengah-setengah calon bukan kerana soal prestasi mereka atau kerana tugas mereka kurang memuaskan tetapi kerana memang dalam pilihanraya kita kena buat sedikit pertukaran," katanya kepada para pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di Menara Dato' Onn di sini tengah hari ini.

Beliau bagaimanapun berkata, UMNO tidak berpegang kepada satu kriteria yang tetap untuk memilih calon-calonnya.

Katanya, sudah menjadi adat, dalam se-

tiap pilihanraya tentulah akan ada pemimpin yang digugurkan dan hakikat ini harus diterima dengan hati yang terbuka.

Tetapi katanya, jika seseorang itu sudah bertanding beberapa kali tidak bermakna pula mereka akan digugurkan.

Tambah Perdana Menteri, segalanya bergantung kepada keadaan dan masa kerana UMNO tidak menetapkan sesuatu kriteria yang tidak boleh diubah dalam soal pemilihan calon.

Ditanya mengenai senarai calon, beliau berkata sebenarnya semua urusan mengenai perkara itu telahpun dibereskan.

"Kita hanya akan mengumumkannya pada hari penamaan calon, tunggu sajalah. Sebenarnya cuma satu dua tempat sahaja yang kita belum putuskan lagi kerana beberapa sebab selain daripada itu saya berpendapat tidak ada banyak masalah," katanya.

Selain dari itu, beliau berkata mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO hari ini turut menyemak semula persiapan dan susunan program lawatan dan strategi kempen.

Katanya, penjelasan juga telah diberi mengenai peraturan baru penampalan poster-poster.

Beliau berkata mengikut peraturan baru yang dikuatkuasakan, semua parti politik

tidak dibenarkan menampal poster di tiang-tiang elektrik dan telefon serta di tempat-tempat milik kerajaan.

"Tetapi belumpun arahan ini dikeluarkan, keghairahan telah menyebabkan poster-poster tertentu di tampal di tempat-tempat larangan tersebut berapa bulan dahulu.

"Jika Majlis Perbandaran dan Kuasa-Kuasa Tempatan hendak mengambil tindakan atau mengenakan der. da, nampaknya terpaksa kita bayar tetapi selepas ini kita akan pastikan peraturan tersebut dipatuhi," ujarnya.

Mengenai pemerhati pilihanraya Komanwel, beliau berkata adalah tidak kena caranya jika kerajaan hendak menghubungi mereka lebih awal dari tarikh pembubaran Parlimen.

Mengenai tugas pemerhati berkenaan beliau berkata, mereka akan cuma memerhati semua kegiatan pilihanraya berasaskan kepada peraturan dan undang-undang yang diamalkan di Malaysia.

"Contohnya mereka akan memerhati apakah apabila kita memberi hak berceramah kita akan menyekat parti-parti lawan berbuat demikian tetapi sudah tentulah semua parti politik akan diberi hak yang sama. Tiada ada perbezaan dalam soal ini," katanya.